

AMALAN PERTUKARAN ASING KONVENSIONAL: ANALISA BERDASARKAN PERSPEKTIF SYARIAH

Foreign Exchange in Conventional Banking Industry: An Analysis from Shariah Perspective

**Abdul Rahman A Shukor¹
Joni Tamkin Borhan²**

ABSTRACT

Foreign exchange is the largest market in the world and operates 24 hours a day. Foreign exchange consists of FX Spot, FX Forward, and FX Swap. Shariah guidelines stipulate that any currency exchange must adhere to the rule of al-ṣarf whereby the exchange of different currencies must be exchanged immediately hand-to-hand. Generally, conventional foreign exchange practice contradicts the requirements of al-ṣarf because it involves an element of riba. However there are different views from Islamic scholars on the permissibility of these transactions. Therefore, the aim of this study is to analyse these foreign exchange transactions from a Shariah perspective. The result of this study shows that

¹ Ph.D Candidate, Department of Shariah and Economy, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur and Head of Shariah Advisory, Shariah Division, Al Rajhi Bank (Malaysia) Berhad, 50450 Kuala Lumpur, misyaki20@hotmail.com

² Professor, Department of Shariah and Economy, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur, joni@um.edu.my

FX Spot complies with Shariah guidelines when subject to the requirements of al-ṣarf. Meanwhile FX Forward and FX Swap are outside the bounds of these guidelines.

Keywords: *foreign exchange, forex, FX Spot, FX Forward, FX Swap*

PENDAHULUAN

Pertukaran asing ialah pasar borong bagi aktiviti penjualan dan pembelian mata wang asing. Aktiviti ini merangkumi pembelian mata wang asing oleh pengimport untuk menjelaskan bayaran import dan bagi pengeksport yang perlu menukarkan perolehan eksport daripada wang asing kepada wang tempatan.³ Urus niaga pertukaran asing melibatkan mata wang tempatan dengan mata wang negara luar berbeza dengan pasaran wang yang melibatkan mata wang tempatan sahaja.⁴ Pertukaran asing atau *foreign exchange* juga dikenali dengan nama singkatan *forex* atau FX.

Kebiasaanya bank konvensional menawarkan tiga urus niaga pertukaran asing yang utama iaitu FX Spot, FX Forward dan FX Swap bagi memenuhi keperluan pelanggan mereka dan pengurusan mata wang di institusi perbankan masing-masing. Kajian ini akan menilai urus niaga pertukaran asing ini menurut perspektif Syariah. Metodologi kajian yang digunakan ialah penyelidikan perpustakaan dengan meneliti bahan-bahan bertulis tentang konsep *al-ṣarf* iaitu pertukaran wang dalam Islam, pertukaran asing konvensional dan pandangan ulama tentang pertukaran asing. Seterusnya bahan-bahan kajian ini dinilai dengan menggunakan metode induktif, deduktif dan perbandingan sehingga melahirkan suatu input yang konkrit dan bersesuaian.

PASARAN PERTUKARAN ASING

Pertukaran asing adalah pasaran terbesar di dunia. Menurut laporan yang dikeluarkan Bank of International Settlements (BIS),⁵ jumlah dagangan harian pertukaran asing pada April 2016 ialah USD5.1 trilion berbanding USD5.4 trilion pada April 2013. Namun begitu, jumlah jumlah dagangan harian pada

³ Bank Negara Malaysia, *Bank Negara Malaysia dan Sistem Kewangan di Malaysia: Perubahan Sedekad* (Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, 1999), 302.

⁴ Mohidin Yahya, *Tukaran Asing dan Pasaran Wang, Teori dan Amalan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994), 83.

⁵ Bank of International Settlements terletak di Basel, Switzerland dan mempunyai dua ibu pejabat di Hong Kong dan Mexico. BIS ialah organisasi antarabangsa bagi 60 buah bank negara daripada seluruh dunia.

April 2013 lebih tinggi berbanding hanya USD3.3 trilion pada April 2007. Jumlah dagangan pertukaran asing berkembang dengan amat pesat kerana jumlah dagangan harian pertukaran asing pada tahun 1987 hanya bernilai USD21 bilion.⁶

Pasaran pertukaran asing beroperasi selama 24 jam sehari kerana perbezaan waktu antara bank dengan bank yang lain di kawasan geografi yang berbeza. Sebagai contoh, apabila bank di New York baru mula beroperasi, bank-bank di London sudah beroperasi selama lima jam atau enam jam. Ketika bank di Tokyo ditutup pada jam 5.00 petang, bank di Los Angeles pula baru memulakan operasinya.⁷ Ini bermakna pasaran pertukaran sentiasa beroperasi dan aktif kerana apabila benua tertentu di dunia mulai menutup operasi pertukaran asing terdapat benua lain baharu memulakan operasinya.

Hampir 60% urus niaga pertukaran asing tertumpu di London, New York dan Tokyo. Manakala 20% urus niaga pertukaran asing di Zurich, Singapura dan Hong Kong.⁸ Selepas kedua pihak melakukan pertukaran asing, maka mereka perlu uruskan penyelesaian (*settlement*) kedua mata wang tersebut.⁹ Proses penyelesaian ini dilakukan pada hari bekerja sahaja. Faktor perbezaan zon masa menyebabkan penyelesaian mata wang berlaku terlebih dahulu di bahagian Timur, kemudian di Eropah dan seterusnya di Amerika Syarikat.¹⁰

URUS NIAGA PERTUKARAN ASING KONVENSIONAL

Urus niaga FX Spot, FX Forward dan FX Swap mempunyai mekanisme yang berbeza di antara satu sama lain. Penjelasan lanjut bagi ketiga-tiga jenis urus niaga pertukaran asing adalah seperti berikut:

⁶ Bank for International Settlements, *Trenial Central Bank of Foreign Exchange and Derivatives Market Activity in 2001* (Basel: Bank for International Settlements, 2002), 13; Richard M. Levich, *International Financial Markets, Price and Policies* (Amerika Syarikat: McGraw-Hill, 1998), 69; J. Orlin Grabbe, *International Financial Markets*, ed. ke-3 (New Jersey: Prentice-Hall, Inc., 1996), 86; Bank for International Settlements, *Triennial Central Bank Survey Foreign Exchange Turnover In April 2016* (Switzerland: Bank for International Settlements, 2016), 3.

⁷ Mohidin, *Tukaran Asing*, 81-82; Othman Yong, *Pasaran dan Institusi Kewangan di Malaysia Teori dan Amalan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993), 215; Grabbe, *International Financial Markets*, 87.

⁸ Grabbe, *International Financial Markets*, 97.

⁹ Julian Walsmsley, *The Foreign Exchange and Money Markets Guide*, ed. ke-2 (Kanada: John Wiley & Sons, Inc., 2000), 161-162.

¹⁰ Julian Walsmsley, *The Foreign Exchange and Money Markets Guide*, 161-162.

FX Spot

Urus niaga FX Spot melibatkan dua pihak yang melakukan pertukaran mata wang yang berbeza berdasarkan kadar pertukaran yang telah dipersetujui untuk diserahkan selepas dua hari¹¹ (bermula selepas hari urus niaga) atau T+2. Huruf T merujuk kepada satu hari urus niaga dan nombor 2 merujuk kepada dua hari bekerja.¹² Pada tahun 2016, jumlah dagangan harian dunia bagi FX Spot ialah USD1,654 bilion atau 33% daripada jumlah urus niaga pasaran pertukaran asing. Urus niaga ini merupakan yang kedua terbesar selepas FX Swap.¹³

Istilah *spot* atau semerta tidak bermakna pertukaran wang mata wang berlaku pada hari pertukaran yang sama. Tempoh selama 2 hari bekerja telah ditetapkan sebelum kemasukan teknologi canggih dalam pertukaran asing. Maklumat kedua pihak yang mengurus niaga perlu diproses selama dua hari untuk memeriksa data transaksi. Sekiranya berlaku kesilapan semasa penyerahan mata wang, maka denda akan dikenakan kepada pihak berkenaan. Justeru itu, tempoh ikekalkan untuk urus niaga FX Spot.¹⁴

Mata wang yang ditukarkan akan dimasukkan ke dalam akaun bank pihak yang terlibat pada hari penyelesaian iaitu pada T+2. Sekiranya urus niaga melibatkan hari cuti umum seperti hari Sabtu, Ahad atau Tahun Baru, maka penyelesaian akan dilakukan pada hari bekerja berikutnya. Dengan itu, tempoh penyelesaian mata wang akan berlaku pada hari keempat.

FX Forward

Urus niaga FX Forward ialah dua pihak menukarkan mata wang asing tertentu di antara satu sama lain berdasarkan kadar pertukaran yang dipersetujui untuk diserahkan selepas daripada dua hari atau melebihi tempoh penyelesaian bagi FX Spot.¹⁵ Hari penyelesaian dalam urus niaga hadapan biasanya dilakukan pada sebulan, 2 bulan, 3 bulan, 6 bulan atau 12 bulan ke hadapan. Dengan

¹¹ Dua hari bermaksud dua hari bekerja dan ia bermula selepas hari urus niaga atau lebih sinonim dengan T+2. Kebiasaan dunia pertukaran asing hanya menyebut dengan ringkas 'dua hari' sahaja.

¹² Cornelius Luca, *Trading in the Global Currency Markets* (New York: Prentice Hall, 2000), 165.

¹³ Bank for International Settlements, *Triennial Central Bank Survey*, 9.

¹⁴ Cornelius Luca, *Trading in the Global Currency Markets*, 165-176.

¹⁵ Cornelius Luca, *Trading in the Global Currency Markets*, 179.

kata lain, setiap penyelesaian yang melebihi dua hari bekerja dikira sebagai FX Forward.¹⁶

Pada tahun 2016, jumlah dagangan harian dunia bagi FX Forward bernilai USD 700 bilion atau 14% daripada jumlah keseluruhan pasaran pertukaran asing. Urus niaga ini merupakan yang ketiga terbesar selepas FX Spot dan FX Swap.¹⁷ Terdapat juga urus niaga yang melibatkan tempoh kematangan yang tidak normal seperti 37 dan 81 hari namun ia melibatkan kos urus niaga yang agak mahal kerana ia dianggap sebagai urus niaga bukan normal dan melibatkan pengiraan kadar faedah yang lebih tinggi berbanding tempoh penyelesaian normal bagi FX Forward.

FX Swap

Urus niaga *swap* ialah pertukaran asing secara *spot* dengan perjanjian untuk menukar kembali wang asing tersebut pada masa akan datang.¹⁸ FX Swap adalah urus niaga pertukaran wang terbesar pada April 2016 dengan jumlah dagangan harian bernilai USD2,238 bilion dan atau 47% daripada pasaran pertukaran asing.¹⁹

FX Swap kerap digunakan oleh institusi kewangan untuk melindungi pendedahan risiko dalam pasaran hadapan kerana wang yang digunakan tidak terdedah kepada risiko turun naik mata wang. Dana jangka pendek mudah diperolehi melalui urus FX Swap kerana ia melibatkan urus niaga yang ringkas. Selain itu, bank asing tidak perlu risau akan kehilangan wang yang dipinjamkan dan risiko wang dilindungi. Bagi negara yang mempunyai kawalan kewangan yang ketat terhadap aliran keluar modal, urus niaga FX Swap adalah cara untuk mengelak daripada peruntukan perundangan kerana wang yang mengalir keluar akan masuk kembali ke dalam negara.²⁰

¹⁶ Cornelius, *Trading in the Global Currency Markets*, 174-176.

¹⁷ Bank for International Settlements, *Triennial Central Bank Survey*, 9.

¹⁸ M. Levich, *International Financial Markets*, 92.

¹⁹ Bank for International Settlements, *Triennial Central Bank Survey*, 9.

²⁰ Mohidin Yahya, *Tukaran Asing dan Pasaran Wang, Teori dan Amalan*, 149-150.

KONSEP PERTUKARAN WANG MENURUT SYARIAH

Syariah menetapkan peraturan khusus bagi pertukaran wang dengan berpandukan konsep *al-ṣarf*. Pengertian *al-ṣarf* menurut majoriti ulama daripada mazhab Shāfi‘ī, Ḥanafī dan Ḥanbalī ialah jual beli mata wang dengan mata wang sama ada sama jenis atau berbeza jenis.²¹ Contoh jual beli sama jenis seperti pertukaran emas dengan emas dan pertukaran perak dengan perak. Manakala jual beli berbeza jenis seperti pertukaran emas dengan perak.

al-Ṣarf termasuk dalam kategori jual beli dan tertakluk kepada rukun jual beli yang ditetapkan. Akad *al-ṣarf* yang tidak memenuhi rukun adalah *fāsid* atau batal di sisi syarak. Rukun jual beli terdiri daripada tiga rukun iaitu *ṣīghah* (lafaz semasa akad), *‘aqidān* (penjual dan pembeli) dan *ma‘qūd‘alayh* (mata wang yang ditukarkan).²²

Selain itu, *al-ṣarf* mempunyai syarat-syarat lain yang perlu dipatuhi supaya urusan niaga yang dilakukan tidak mengandungi unsur riba yang diharamkan.²³ Syarat-syarat tersebut ialah pertukaran mata wang sama jenis memerlukan persamaan (*tamāthul*) kuantiti kerana lebihan kuantiti (*faḍl*) yang wujud dalam urusan niaga itu ialah *riba al-faḍl* yang diharamkan syarak.²⁴ Setiap pertukaran mata wang sama jenis atau berbeza jenis perlu dilakukan *qabd* sebelum berpisah daripada majlis akad.²⁵ Pertukaran mata wang juga tidak boleh dilakukan secara bertangguh kerana kerana ia menyebabkan wujud unsur riba.²⁶ Pertukaran mata wang itu juga tidak boleh mengandungi *khiyār syarṭ* sebagaimana pandangan mazhab Ḥanafī. Kewujudan *khiyār syarṭ*

²¹ Muḥammad Amīn Ibn ‘Ābidīn, *Radd al-Muhtār ‘alā al-Durr al-Mukhtār*, vol. 5 (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1992), 257; ‘Alā’ al-Dīn Abī Bakr Ibn Mas‘ūd al-Kāsānī, *Badā’i‘ al-Ṣanā’i‘ ‘alā Tartīb al-Syarā’i‘*, vol. 5 (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1996), 215; Maṣṣūr Ibn Yunūs Ibn Idrīs al-Buhūfī, *Kasyf al-Qinā‘ ‘an Matn al-Iqnā‘*, vol. 3 (Beirut: Dār al-Fikr, 1982), 266; Muḥammad Ibn al-Khātīb al-Syarbīnī, *Mughnī al-Muhtāj ilā Ma‘rifah Ma‘ānī Alfāz al-Minhāj*, vol. 2 (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1994), 369.

²² Maṣṣūr bin Yūnus bin al-Buhūfī, *Kasyf al-Qinā‘ ‘an Matn al-Iqnā‘*, vol. 3 (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, t.t.), 146; al-Syarbīnī, *Mughnī al-Muhtāj*, vol. 2, 323.

²³ ‘Abbās Aḥmad al-Bāz, *Aḥkam Ṣarf al-Nuqūd wa al-‘Umūlāt fī al-Fiqh al-Islāmī wa Taṭbīqātuh al-Mu‘āṣirah* (‘Amman: Dār al-Nafā’is, 1999), 41.

²⁴ Ibn ‘Ābidīn, *Radd al-Muhtār*, vol. 5, 257; al-Buhūfī, *Kasysyāf al-Qinā‘*, vol. 3, 254; al-Syarbīnī, *Mughnī al-Muhtāj*, vol. 2, 369.

²⁵ al-Kāsānī, *Badā’i‘ al-Ṣanā’i‘*, vol. 5, 215; al-Buhūfī, *Kasysyāf al-Qinā‘*, vol. 3, 266; Ibn ‘Ābidīn, *Radd al-Muhtār*, vol. 5, 258.

²⁶ Ibn ‘Ābidīn, *Radd al-Muhtār*, vol. 5, 259.

menyebabkan pertukaran menjadi *fāsid* kerana *qabḍ* adalah syarat sah bagi *al-ṣarf*.²⁷

Wang kertas yang digunakan dalam urusan harian pada waktu kini tertakluk kepada hukum emas dan perak. Akademi Fiqh Islam Antarabangsa di bawah naungan Pertubuhan Persidangan Islam Sedunia (OIC) pada tahun 1986 dalam persidangannya ke-3 telah mengeluarkan resolusi no. 21 (3/9) tentang *Ahkām al-Nuqūd al-Waraqīyyah wa Taghayyur Qīmah al-'Umlah* (Hukum Wang Kertas dan Perubahan Nilai Mata wang). Resolusi ini menyatakan wang kertas ialah mata wang kerana ia adalah *thamāniyyah* (mata wang) yang sempurna. Wang kertas tertakluk kepada semua hukum bagi emas dan perak seperti hukum riba, zakat, *salām* dan sebagainya.²⁸ Berdasarkan resolusi ini, urus niaga pertukaran asing yang berlaku pada hari ini perlu mematuhi *al-ṣarf*. Sekiranya urus niaga yang dilakukan mengandungi larangan syarak, maka urus niaga tersebut adalah haram.

Ulama terdahulu hanya membincangkan konsep *al-ṣarf* dalam kitab-kitab fiqh dan tidak membincangkan urus niaga pertukaran asing yang terdapat dalam dunia moden sekarang. Urus niaga pertukaran asing hanya mula dibincangkan secara khusus oleh ulama kontemporari yang meliputi urus niaga FX Spot, FX Forward dan FX Swap berdasarkan perspektif Syariah.

ANALISA FX SPOT BERDASARKAN PERSPEKTIF SYARIAH

Isu utama dalam menentukan hukum FX Spot ialah *qabḍ* tidak dilakukan dengan segera dalam majlis pertukaran asing. *Qabḍ* terhadap kedua mata wang hanya dilakukan selepas pada dua hari bekerja atau T+2. Kelewatan *qabḍ* ini menjadi menjadi perbincangan dalam kalangan ulama kontemporari dan mereka terbahagi dua pendapat iaitu pendapat yang mengharamkan FX Spot dan pendapat yang mengharuskan FX Spot.

Pendapat Pertama: FX Spot adalah Haram

Pendapat pertama mengatakan FX Spot adalah haram kerana menyalahi syarak. Pandangan ini dipegang oleh segelintir ulama kontemporari seperti

²⁷ al-Kāsānī, *Badā'i' al-Ṣanā'i'*, vol. 5, 219.

²⁸ Majma' al-Fiqh al-Islāmī al-Dawlī, 'Qarār,' laman sesawang *Majma' al-Fiqh al-Islāmī al-Dawlī*, <http://www.iifa-aifi.org/1679.html>, dicapai 11 Disember 2015.

Sheikh Sālih al-Marzūqī,²⁹ Muhammad Akram Khan,³⁰ Sheikh Fathī Salīm Ghazāl³¹ dan sebagainya. Kelewatan serahan mata wang dalam FX Spot yang mengambil masa selama dua hari bekerja ini menyalahi hadis Nabi SAW yang jelas menunjukkan *qabḍ* perlu dilakukan dengan segera semasa majlis pertukaran. Nabi SAW bersabda seperti berikut:

الذَّهَبُ بِالذَّهَبِ وَالْفِضَّةُ بِالْفِضَّةِ وَالْبُرِّ بِالْبُرِّ وَالشَّعِيرُ بِالشَّعِيرِ وَالتَّمْرُ
بِالتَّمْرِ وَالْمَلْحُ بِالْمَلْحِ مِثْلًا بِمِثْلٍ سِوَاءٍ بِسِوَاءٍ يَدَا يَدَا فَإِذَا اخْتَلَفَتْ هَذِهِ
الْأَصْنَافُ فَيَبْعُوا كَيْفَ شِئْتُمْ إِذَا كَانَ يَدَا يَدَا.³²

“(Tukarlah) emas dengan emas, perak dengan perak, gandum dengan gandum, barli dengan barli, kurma dengan kurma, garam dengan garam dengan sama kuantiti dan tangan dengan tangan (*qabḍ*). Apabila berlainan jenis, maka tukarlah mengikut yang kamu suka apabila ia dilakukan dengan tangan dengan tangan (*qabḍ*).”

Nabi SAW juga menyebut perkara yang sama kepada Ibn ‘Umar RA seperti berikut:

لا بأس أن تأخذها بسعر يومها ما لم تفترقا وبينكما شيء.³³

²⁹ Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī, ‘al-Muḍārabah fī al-‘Umlah, al-‘Arḍ-al-Ta‘qīb wa al-Munāqasyah’ dalam ‘al-Muḍārabah fī al-‘Umlat wa al-Wasā’il al-Masyrū’ah li Tajtnanib Aḍrāhā al-Iqtisādīyah,’ *Majallah Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī*, vol. 1/11 (1998): 569.

³⁰ Muhammad Akram Khan, ‘Commodity Exchange and Stock Exchange in An Islamic Economy,’ *The American Journal of Islamic Social Science*, vol.5/1 (1998): 101-102.

³¹ Fathī Salīm Ziyād Ghazāl, *Hukm al-Syar‘ fī al-Burṣah* (‘Amman: Dār al-Waddāh, 2008), 37.

³² Hadis riwayat Muslim, Kitāb al-Musāqah, Bāb al-Ṣarf wa Bay‘ al-Dhahab bi al-Wāriq Naqdan, no. hadis 1587. Lihat Muslim bin al-Hajjāj al-Nisābūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim*, vol. 3 (Beirūt: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, t.t.), 1211.

³³ Hadis riwayat Abū Dāwud, Sunan Abī Dāwud, Kitāb al-Buyū‘, Bāb fī Iqtidā’ al-Dhahab min al-Wāriq, hadis no. 3354. Lihat Abū Dāwud Sulaymān bin al-Asy‘ath, *Sunan Abī Dāwud*, vol. 3 (Beirūt: al-Maktabah al-‘Asriyah, t.t.), 250. al-Mundhīrī mengatakan hadis ini turut dikeluarkan oleh al-Tirmīzī, al-Nasā’ī dan Ibn Mājah. Hadis ini berstatus *marfū‘* melalui Samāk bin Ḥarb. Lihat Muḥammad Asyraf bin Amīr al-‘Aẓīm Ābādi, ‘*Awn al-Ma’būd Syarḥ Sunan Abī Dāwud* (Beirūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1995), vol. 9, 146.

“Tidak ada masalah jika kamu menerimanya dengan harga pada hari tersebut dan kamu berdua tidak berpisah dan di antara kamu berdua tiada sesuatu (baki wang yang belum dibayar).”

‘Umar bin al-Khaṭṭāb juga melarang pertukaran dirham (perak) dengan emas tanpa dilakukan *qabd* di dalam majlis akad seperti berikut:

عن مالك بن أوس بن الحدثان، أنه قال: أقبلت أقول من يصترف الدراهم؟ فقال طلحة بن عبيد الله، وهو عند عمر بن الخطاب: أرنا ذهبك، ثم اتنا، إذا جاء خادمنا، نعطك ورقك، فقال عمر بن الخطاب: كلا، والله لتعطينه ورقه، أو لتردّني إليه ذهبه، فإن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال: «الورق بالذهب ربا، إلا هاء وهاء، والبر بالبر ربا، إلا هاء وهاء، والشعير بالشعير ربا، إلا هاء وهاء، والتمر بالتمر ربا، إلا هاء وهاء.»³⁴

“Daripada Mālik Ibn Aws Ibn Ḥadathān, bahawa dia berkata: Aku berpaling kepada orang ramai dan aku berkata: Siapa yang mahu menukar dirham? Kemudian Ṭalḥah bin ‘Ubayd Allāh berkata, dia sedang berada di sisi ‘Umar bin al-Khaṭṭāb: Tunjukkan emas kamu, kemudian bawakannya kepada kami, apabila datang khadam kami, kami akan berikan kepada kamu wang perak (wariq). Maka ‘Umar bin al-Khaṭṭāb berkata: Janganlah kamu berbuat demikian. Demi Allah! Kamu hendaklah berikan kepadanya wang perak atau kamu pulangkan kepadanya emasnya. Sesungguhnya Rasulullah SAW pernah bersabda: Jual beli perak dengan emas adalah riba kecuali (salah seorang berkata) “ambil ini” dan (seorang lagi berkata) “ambil ini”. (Pertukaran) barli dengan barli adalah riba kecuali (salah seorang berkata) “ambil ini” dan (seorang lagi berkata) “ambil ini”. (Pertukaran) gandum dengan gandum adalah riba kecuali (salah seorang berkata) “ambil ini” dan (seorang lagi berkata) “ambil ini”. (Pertukaran) kurma dengan kurma adalah riba kecuali (salah seorang berkata) “ambil ini” dan (seorang lagi berkata) “ambil ini”.

Semua dalil di atas menunjukkan *qabd* perlu dilakukan semasa pertukaran yang melibatkan emas dengan emas atau emas dengan perak. *Qabd* perlu dilakukan sebelum kedua pihak yang terlibat berpisah daripada majlis

³⁴ Riwayat Muslim, Kitāb al-Buyū‘, Bāb al-Ṣarf wa Bay‘ al-Dhahab bi al-Wariq Naqdan, no. hadis 1584. Lihat Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, vol. 3, 1209.

pertukaran. Sekiranya pertukaran dilakukan tanpa *qabd*, maka urusan niaga yang dilakukan terlibat dengan riba. Dengan itu, sebarang pertukaran asing perlu dilakukan secara *qabd* bagi kedua-dua mata wang yang ditukar dalam majlis akad.

Golongan ini lebih menumpukan kepada persoalan *qabd* yang perlu dilakukan dengan segera dalam pertukaran asing. Kelewatan penyerahan mata wang dalam FX Spot tidak memungkinkan berlaku *qabd* sebagaimana yang disebut dalam hadis Nabi SAW. Namun konsep *qabd* dalam pandangan Syariah ditetapkan oleh uruf. Cara *qabd* dalam pertukaran asing perlu diperhatikan dengan teliti dalam menentukan hukum.

Golongan ini juga membantah hujah kaedah fiqh “*al-masyaqqah tajlib al-taysir*” (kesulitan membuka kepada kemudahan) yang digunakan oleh golongan yang mengharuskan FX Spot. Hal ini disebabkan kaedah fiqh ini bertentangan dengan dalil yang jelas dan sahih yang disebutkan dalam hadis-hadis Nabi SAW.³⁵ Hadis-hadis Nabi SAW perlu diutamakan berbanding dengan kaedah fiqh yang mengharuskan FX Spot.

Kelewatan penyerahan mata wang dalam FX Spot menyebabkan wujud unsur riba atau faedah urusan niaga yang dilakukan. Tempoh penyerahan mata wang akan mempengaruhi kadar faedah dalam pengiraan kadar pertukaran.³⁶ Dengan itu, elemen riba ini menyebabkan urusan niaga FX Spot adalah haram.

Sebenarnya tidak timbul persoalan riba dalam pertukaran FX Spot kerana kadar sesuatu mata wang dibenarkan berbeza di antara satu sama lain dalam pertukaran. Kadar faedah yang digunakan adalah untuk menentu kadar pertukaran dengan menggunakan formula pengiraan tertentu. Setiap pertukaran asing hanya menggunakan kadar pertukaran yang dipersetujui oleh kedua pihak.

Kajian mendapati tiada fatwa daripada majlis fatwa, persidangan fiqh atau jawatankuasa Syariah di institusi perbankan Islam yang bersetuju dengan pendapat golongan ini yang mengatakan FX Spot adalah haram. Ini mungkin disebabkan hujah yang digunakan oleh golongan ini tidak beberapa kuat berbanding dengan pendapat yang mengharuskan FX Spot.

³⁵ Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī, ‘al-Muḍārabah fī al-‘Umlah,’ vol. 1, 569.

³⁶ Muhammad Akram, ‘Comodity Exchange,’ 101-102 ‘Āṣim Aḥmad ‘Āṭīyah Badwī, ‘Aḥkam al-Ṣarf al-Ilikturūnī fī al-Fiqh al-Islāmī,’ (Tesis sarjana, Kuliah Syariah dan Undang-Undang, Universiti Islam Gaza, Palestin, 2010), 82.

Pandangan Kedua: FX Spot Adalah Harus

Pendapat kedua mengatakan FX Spot adalah harus dan mematuhi syarak. Pendapat ini dipegang oleh majoriti ulama kontemporari seperti Syeikh Yūsuf al-Qaradāwī,³⁷ Sheikh Muḥy al-Dīn al-Qurahdaghī,³⁸ Dr. Nazīh Kamal Ḥamad,³⁹ Dr. Aḥmad Muḥy al-Dīn Aḥmad,⁴⁰ Sheikh Yūsuf al-Syubaylī⁴¹ dan sebagainya. Kebanyakan ulama mengharuskan urus niaga FX Spot walaupun *qabḍ* hanya berlaku pada dua hari bekerja selepas hari urus niaga kerana konsep *qabḍ* ditafsirkan berdasarkan kepada keadaan barangan dan *urf*.

Golongan ini bersetuju bahawa hukum asal bagi jual beli mata wang ialah *qabḍ* bagi mata wang perlu dilakukan dengan segera seperti yang dinyatakan dalam hadis Nabi SAW. Dengan itu, tidak sah penyerahan mata wang secara bertangguh dalam pertukaran wang. Perkara ini disebut dalam hadis riwayat Ibn ‘Umar RA:

لَا بَأْسَ أَنْ تَأْخُذَهَا بِسَعْرِ يَوْمِهَا مَا لَمْ تَفْتَرَقَا وَبَيْنَكُمَا شَيْءٌ⁴²

“Tiada masalah jika kamu menerimanya dengan harga pada hari tersebut dan kamu berdua tidak berpisah dan di antara kamu berdua tiada sesuatu (baki wang yang belum dibayar).”

Pada masa yang sama golongan ini berpandangan tafsiran *qabḍ* perlu bergantung kepada *urf* dan keadaan barangan yang terlibat dalam urus niaga tersebut. *Urf* dalam pertukaran asing perlu diambil kira dalam memahami mekasmime *qabḍ* yang dilakukan dengan segera. Pemahaman *qabḍ* ini adalah aspek penting dalam menentukan hukum FX Spot. Tafsiran *qabḍ* ini juga bergantung kepada pengertian keperluan (*darūriyyāt*) semasa mengikut kadar atau tempoh yang bersesuaian berdasarkan syarak⁴³

³⁷ Yūsuf al-Qaradāwī, ‘Ḥawl (Fawriyyah al-Qabḍ) fī al-Bay‘ al-‘Umulāt,’ laman sesawang *al-‘Allāmah al-Qaradāwī*, <http://www.qaradawi.net/new/all-fatawa/6655-q-q>, dicapai 12 Januari 2016.

³⁸ Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī, ‘al-Muḍārabah fī al-‘Umlah,’ 579.

³⁹ Nazīh Kamal Ḥamad, ‘al-Qabḍ al-Ḥaqīqī wa al-Ḥukmī: Qawā‘id wa Taṭbīqātuh min al-Fiqh al-Islāmī,’ *Majallah Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī*, vol. 1/6 (1990): 723.

⁴⁰ Aḥmad Muḥy al-Dīn Aḥmad, ‘al-Muḍārabah fī al-‘Umlah wa al-Wasā’il al-Masyrū‘ah li-Tajtanib Aḍrārahā al-Iqtisādīyah,’ *Majallah Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī*, vol. 1/ 11 (1998): 454.

⁴¹ Yūsuf bin ‘Abd Allāh al-Shubaylī, ‘al-Khadamāt al-Maṣrafiyyah li-Istithmār Amwāl al-‘Umalā’ wa Aḥkāmuhā fī al-Fiqh al-Islāmī,’ (Tesis kedoktoran, Jabatan Fiqh Perbandingan, al-Ma‘had al-‘Ālī li al-Qaḍā’, Riyāḍ, 2002), 272.

⁴² Sila rujuk *takhrīj* hadis pada nota kaki nombor 33.

⁴³ Yūsuf al-Qaradāwī, ‘Ḥawl (Fawriyyah al-Qabḍ).’

Perkara ini diperkuatkan lagi dengan pandangan ulama silam seperti Imam al-Nawāwī, Ibn Qudāmah, Ibn Taymiyyah, Khātib al-Syarbīnī dan sebagainya yang mengatakan *qabḍ* ditentukan oleh ‘urf.⁴⁴ Ini disebabkan syarak dan bahasa tidak menjelaskan mekasnime *qabḍ* dan ia terpulang kepada tafsiran ‘urf manusia.⁴⁵

Dengan itu, penyerahan mata wang pada T+2 adalah tempoh yang diakui dan diiktiraf sebagai tempoh penyelesaian dalam pasaran pertukaran asing antarabangsa. Semua pihak perlu mematuhi sistem penyelesaian yang ditetapkan. Dengan itu, golongan ini berpandangan kelewatan *qabḍ* dalam FX Spot tidak menyalahi syarak bahkan ia adalah uruf dalam pasaran pertukaran asing.

Selain itu, isu kelewatan penyerahan mata wang dalam FX Spot juga tidak dapat dielakkan kerana kedua pihak tidak dapat melakukan *qabḍ* secara fizikal (*ḥaqīqī*) atau *ḥukmī*. Ini disebabkan pelbagai faktor luaran yang berada di luar kawalan pihak yang melakukan kontrak pertukaran asing seperti jarak yang berjauhan yang menyukarkan penyerahan mata wang secara fizikal dengan segera. Selain itu, transaksi FX Spot yang dilakukan perlu mematuhi peraturan pertukaran asing antarabangsa. Syariah membuka kemudahan bagi kesulitan yang ditidak dapat dielakkan dalam pertukaran asing ini berdasarkan kaedah fiqh “*al-masyaqqah tajlib al-taysīr*” (kesulitan membuka kepada kemudahan).

Urus niaga FX Spot amat penting dan diperlukan terutama dalam perniagaan antarabangsa. Peniaga yang memerlukan mata wang seperti Dolar Amerika dan Pound Australia perlu mendapatkan mata wang tersebut melalui pasaran pertukaran asing dan menggunakan sistem peraturan yang telah wujud sekian lama. Keperluan penting ini bersesuaian dengan kaedah Syariah “*al-maṣlahah al-rājīhah wa al-ḥājah al-khāṣah allatī tanzil manzilah al-ḍarūrah*” (*maṣlahah* yang terkuat dan kehendak khas menduduki tahap keperluan penting). Dengan itu, FX Spot perlu diharuskan bagi menyempurnakan *maṣlahah* dan kepentingan masyarakat. Jika urus niaga pertukaran asing ini dilarang, maka sudah pasti akan mengundang kesulitan yang lebih besar.⁴⁶

⁴⁴ Muḥy al-Dīn Yaḥyā bin Syarf al-Nawāwī, *al-Majmū‘ Syarḥ al-Muhadhdhab*, vol. 9 (Damsyik: Dār al-Fikr, t.t.), 27-5276; ‘Abd Allāh bin Aḥmad bin Qudāmah al-Muqaddasī, *al-Mughnī li Ibn Qudāmah*, vol. 4 (Qāhirah: Maktabah al-Qāhirah, 1968), 85; Aḥmad bin ‘Abd al-Halīm Ibn Taymīyah, *Majmū‘ah al-Fatāwā* (Madinah: Majma‘ al-Malik Fahd li Ṭibā‘ah al-Muṣḥaf al-Syarīf, 1995), vol. 20, 448; al-Syarbīnī, *Mughnī al-Muḥtāj*, vol. 2, 467.

⁴⁵ Nazīh Ḥamad, ‘al-Qabḍ al-Ḥaqīqī,’ 723.

⁴⁶ Aḥmad Muḥy al-Dīn, ‘al-Muḍārabah fī al-‘Umlah,’ vol. 1, 454.

Sehingga kini hanya terdapat satu sahaja sistem urus niaga FX Spot yang diamalkan di seluruh dunia dan ia amat penting bagi urusan orang ramai. Jika FX Spot diharamkan, maka tiada alternatif yang dapat digunakan oleh institusi perbankan Islam jika mereka memerlukan sejumlah nilai mata wang asing yang besar.⁴⁷ Senario ini menunjukkan keperluan yang tinggi terhadap urus niaga FX Spot bagi memenuhi permintaan pelanggan dan pihak institusi perbankan Islam.

Pendapat yang mengharuskan FX Spot ini dipersetujui oleh kebanyakan majlis fatwa antarabangsa. Akademi Fiqh Islami OIC dalam persidangannya kali ke-6 di Jeddah, Saudi Arabia pada 14-20 Mac 1990 mengeluarkan resolusi no. 6/4/55 yang menjelaskan *qabd* mempunyai pelbagai cara dan ditentukan berdasarkan keadaan barangan dan *'urf* masyarakat. *Qabd* dalam pertukaran asing adalah diharuskan berdasarkan *'urf* pasaran. Selain itu, pemindahan mata wang melalui akaun bagi kedua pihak yang melakukan urus niaga pertukaran asing adalah dikira sebagai *qabd hukmī* dan menyamai hukum *qabd* secara fizikal.

Resolusi ini juga mengharuskan kelewatan *qabd* mata wang yang berlaku dalam urus niaga FX Spot dan menganggap ia adalah *'urf* perniagaan yang tidak dapat dielakkan. Namun begitu, pihak yang menerima mata wang tidak dibenarkan melakukan jual beli ke atas mata wang tersebut dalam tempoh tersebut sehingga dia mampu melakukan penyerahan mata wang secara fizikal kepada pihak ketiga.⁴⁸

Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions (AAOIFI) melalui Paramater Syariah no. 1 tentang *al-Mutājarah al-'Umulāt* (Perdagangan Mata Wang) turut mengharuskan FX Spot yang dilakukan dalam pasaran pertukaran asing. Parameter yang dikeluarkan oleh AAOIFI ini mengambil sepenuhnya resolusi no. 6/4/55 yang dikeluarkan oleh Akademi Fiqh Islami OIC.⁴⁹

Dewan Syariah Nasional bagi Majelis Ulama Indonesia turut membenarkan FX Spot melalui fatwa no. 28/DSN-MUI/111/2002 tentang Jual Beli Mata uang (Al-Sharaf). Fatwa ini menyebut bahawa urus niaga ini diharuskan kerana

⁴⁷ Majma' al-Fiqh al-Islāmī, 'al-Muḍārabah fī al-'Umlah,' vol. 1, 591.

⁴⁸ Majma' al-Fiqh al-Islāmī, 'al-Qabd: Šūrah wa bi Khāshah al-Mustajiddah minhā wa Aḥkāmuhā,' laman sesawang *Majma' al-Fiqh al-Islāmī*, <http://www.iifa-aifi.org/2035.html>, dicapai 16 September 2016.

⁴⁹ Hay'ah al-Muḥāsabah wa al-Murāja'ah li al-Mu'assah al-Mālīyah al-Islāmiyyah, *al-Ma'āyir al-Syar'iyyah* (Manama: Hay'ah al-Muḥāsabah wa al-Murāja'ah li al-Mu'assah al-Mālīyah al-Islāmiyyah, 2010), 4-5.

tempoh berkenaan dianggap sebagai tunai dan tempoh ini sukar dihindari dalam FX Spot. Selain itu, *qabḍ* dalam tempoh ini juga adalah amalan dalam pertukaran asing antarabangsa.⁵⁰

Majlis Penasihat Syariah di Bank Negara Malaysia (BNM) pada mesyuarat ke-38 bertarikh 28 Ogos 2003 juga memutuskan bahawa penyerahan dan penyelesaian urus niaga mata wang asing secara semerta yang dibuat pada T+2 adalah dibenarkan. Penyelesaian dan penyerahan secara T+2 diterima dalam urus niaga secara lani kerana tempoh masa sebegini adalah perlu bagi pihak-pihak yang mengurus niaga membuat pengesahan. Sistem penyelesaian dan pembayaran sedemikian telah diterima sebagai uruf perniagaan.⁵¹

Pandangan golongan ini juga dipersetujui oleh jawatankuasa Syariah institusi perbankan Islam seperti Lembaga Syariah Bank Al Rajhi di Saudi Arabia melalui resolusi no. 195 tentang *al-Muṣārafah al-Fawriyyah fī al-'Umulāt wa al-Dhahab wa al-Fiḍḍah* (Pertukaran Segera bagi Mata Wang, Emas dan Perak) dan Lembaga Syariah Bank Al Bilād di Saudi Arabia melalui Parameter no. 447.⁵²

Lembaga Syariah Bank Al Rajhi menetapkan perkara asas dalam jual beli mata wang ialah *taqābuḍ* dalam majlis akad. Maka dibenarkan *taqābuḍ* (saling melakukan *qabḍ*) bagi pertukaran mata wang selagi ia mengikut *'urf* dalam pasaran pertukaran FX Spot iaitu memerlukan T+2 untuk serahan mata wang ke dalam akaun masing-masing. Keputusan mengharuskan FX Spot berdasarkan justifikasi berikut:

- a) Kesukaran melakukan rekod perakaunan bagi pertukaran asing semasa majlis akad terutama apabila melibatkan negara yang berbeza. Kaedah fiqh menyebut *inna al-amr idhā dāqa ittasa'a* (sesungguhnya sesuatu perkara apabila menjadi sempit, maka ia akan menjadi luas). Dengan itu, kelewatan penyerahan mata wang selama T+2 dianggap sebagai *imtidād li majlis* (tempoh majlis kontrak yang dipanjangkan) dan sebagai akad khas.
- b) Pertukaran asing adalah kontrak yang harus dan merupakan *ḥājah 'ammah* (kehendak umum). Amalan pasaran pertukaran asing pula memerlukan

⁵⁰ Dewan Syariah Nasional, 'Fatwa Dewan Syari'ah Nasional Nomor 28/DSN-MUI/III/2002 Jual Beli Mata Uang (*al-Sharf*),' laman sesawang Dewan Syariah Nasional-Majelis Ulama Indonesia, <http://www.dsnmui.or.id/index.php?mact=News,cntnt01,detail,0&cntnt01articleid=29&cntnt01origid=59&cntnt01detailtemplate=Fatwa&cntnt01returnid=15&cntnt01returnid=15>, dicapai 1 Oktober 2016.

⁵¹ Bank Negara Malaysia Berhad, *Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam Edisi Kedua* (Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, 2010), 137-138.

⁵² Amānah al-Hay'ah al-Syar'iyyah, *al-Ḍawābiḍ al-Mustakhlaṣah min Qarārāt al-Hay'ah al-Syar'iyyah li Bank al-Bilād* (Riyād: Dār al-Mayman, 2013), 134.

tempoh T+2 untuk serahan mata wang. *Hājah ‘ammah* ini menjadikan kelewatan selama dua hari ini sebagai *ḍarūrah* (keperluan) dan *hājah khāṣah* (kehendak khas). Oleh itu, perkara ini dimaafkan berdasarkan kaedah tadi walaupun ia menyalahi kaedah asal bahawa *taqābuḍ* perlu dilakukan dalam majlis akad.

- c) Tempoh *qabḍ* kedua mata wang yang terlibat dalam FX Spot telah menjadi uruf dalam pasaran pertukaran asing. Oleh yang demikian, *qabḍ* ini dianggap sebagai *qabḍ fawrī* (segera).⁵³

Pandangan Terpilih

Berdasarkan hujah-hujah yang dikemukakan oleh kedua pandangan di atas, penulis memilih pandangan majoriti ulama yang mengatakan FX Spot adalah harus kerana *qabḍ* pada sesuatu perkara bergantung kepada keadaan perkara itu sendiri dan uruf pasaran. Serahan mata wang pada T+2 dianggap uruf dalam urus niaga FX Spot. Walaupun berlaku kelewatan serahan mata wang bagi kedua pihak namun serahan pada T+2 dianggap sebagai *qabḍ* yang diiktiraf dalam pasaran pertukaran asing.

Kelewatan penyerahan mata wang dalam urus niaga FX Spot tidak dapat dielakkan oleh kedua pihak apabila menggunakan sistem pertukaran asing. Sekiranya mekanisme *qabḍ* pada T+2 dalam transaksi FX Spot tidak diterima, maka ia akan memberikan kemudaratan yang lagi besar kepada mereka yang terlibat dalam pasaran antarabangsa dan pihak yang memerlukan mata wang asing untuk memenuhi keperluan masing-masing. Walau bagaimanapun, tempoh *qabḍ* dalam FX Spot tidak boleh dikaitkan untuk urus niaga FX Forward kerana urus niaga ini melibatkan tempoh melebihi urus niaga FX Spot.

ANALISA FX FORWARD BERDASARKAN PERSPEKTIF SYARIAH

Isu utama dalam FX Forward ialah persoalan *qabḍ* bagi kedua mata wang yang terlibat dalam pertukaran. Ulama kontemporari berbeza pandangan tentang FX Forward dan terbahagi kepada dua pandangan iaitu pandangan yang mengharuskan FX Forward dan pandangan yang mengharamkan FX Forward.

⁵³ al-Majmū‘ah al-Syar‘iyyah, Qarārāt al-Hay’ah al-Syar‘iyyah bi Maṣraf al-Rājihī, vol. 1 (Riyād: Dār Kunūz Isybīliyyā li Nasyr wa al-Tawzī‘, 2010), 317-319.

Pandangan Pertama: FX Forward adalah Harus

Pandangan pertama mengatakan FX Forward adalah harus kerana ia bertepatan dengan Syariah. Pandangan ini adalah terpencil dan dipegang oleh sesetengah pihak yang mengharuskan urus niaga FX Forward. Mereka berpendapat urus niaga FX Forward ialah perjanjian (*muwā'adah*) dua pihak untuk melakukan pertukaran asing pada masa hadapan berdasarkan kadar pertukaran yang telah dipersetujui. Semasa perjanjian tiada sebarang penyerahan mata wang dilakukan. Hukum perjanjian untuk jual beli mata wang asing adalah diharuskan oleh Syariah.⁵⁴

Inilah hujah utama yang digunakan oleh golongan ini dalam mengharuskan FX Forward. Pada prinsipnya diharuskan melakukan perjanjian untuk melakukan pertukaran mata wang pada masa hadapan. Namun perjanjian yang dilakukan tidak boleh bersifat mengikat kedua pihak kerana ia akan menyebabkan perjanjian menyerupai kontrak pertukaran wang. Sebarang pertukaran wang yang melibatkan serahan bertangguh adalah diharamkan oleh syarak.

Keperluan terhadap urus niaga FX Forward amat tinggi kerana ia digunakan sebagai lindung nilai bagi pengimport dalam perdagangan antarabangsa. Kaedah fiqh yang digunakan dalam hal ini ialah "*al-ḥājah al-khāṣah tanzil manzilah al-darūrah*" (keperluan khas mempunyai kedudukan yang sama dengan keperluan asas) dan kaedah "*umum al-balwa*" (kerosakan yang tersebar luas). Pengimport tidak memperoleh keuntungan atau manfaat daripada urus niaga FX Forward. Mereka hanya menggunakan FX Forward untuk melindungi nilai mata wang daripada pergerakan kadar mata wang yang buruk pada masa hadapan.⁵⁵

Konsep lindung nilai dibenarkan oleh Islam namun instrumen yang digunakan perlu dipastikan mematuhi Syariah. Sekiranya instrumen tersebut tidak mematuhi Syariah, maka secara automatik ia tidak diharuskan walaupun objektif asalnya dibenarkan. Begitu juga dengan urus niaga FX Forward yang bertentangan dengan peraturan syarak, maka ia tidak diharuskan walaupun digunakan untuk lindung nilai.⁵⁶

Kajian mendapati tiada fatwa daripada majlis fatwa, persidangan fiqh atau jawatankuasa Syariah di institusi perbankan Islam yang bersetuju dengan pandangan yang mengharuskan FX Forward. Ini kemungkinan disebabkan

⁵⁴ Aḥmad Muḥy al-Dīn, 'al-Muḍārabah fī al-'Umlah,' vol. 1, 456.

⁵⁵ Aḥmad Muḥy al-Dīn, 'al-Muḍārabah fī al-'Umlah,' vol. 1, 456.

⁵⁶ Hay'ah al-Muḥāsabah, *al-Ma'āyir al-Syar'iyyah*, 4.

hujah yang digunakan oleh golongan ini tidak mampu mengatasi hujah yang mengharamkan FX Forward.

Pandangan Kedua: FX Forward adalah Haram

Pandangan kedua mengatakan FX Forward adalah haram. Pandangan ini dipegang oleh majoriti ulama kontemporari seperti Sheikh ‘Alī al-Salūs,⁵⁷ Sheikh ‘Abd al-Sattār Abū Ghuddah,⁵⁸ Dr. Aḥmad Muḥy al-Dīn Aḥmad,⁵⁹ Dr. ‘Abd al-Bārī al-Misy‘al,⁶⁰ Sheikh Yūsuf al-Shubaylī⁶¹ dan sebagainya.

Golongan ini berpendapat pertukaran mata wang dengan mata wang lain secara serahan bertangguh tidak dibenarkan oleh syarak. Ini disebabkan ia tidak memenuhi syarat *qabd* yang disepakati oleh ulama sebagai syarat sah untuk akad *al-ṣarf*.⁶² Hukum ini berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Sa‘īd al-Khudrī RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:⁶³

ولا تبيعوا منها غائباً بناجز

“Jangan kamu menukar barangan yang ada dengan barangan yang tiada.”

Hadis ini melarang jual beli mata wang yang ada dengan mata wang yang tiada semasa majlis pertukaran dilakukan. Jika kedua mata wang yang ingin ditukarkan tiada semasa majlis pertukaran, maka sudah tentu ia juga dilarang. Perkara ini diperkuatkan lagi dengan ijmak ulama bahawa tidak sah pertukaran

⁵⁷ Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī, ‘al-Muḍārabah fī al-‘Umlah,’ vol.1, 592.

⁵⁸ Abū Ghuddah, *Buhūth fī al-Mu‘āmalāt wa al-Asālīb al-Maṣrafiyyah al-Islāmiyyah*, vol. 8 (Jeddah: Majmū‘ah Dallah al-Barakah, 2007), 111.

⁵⁹ Aḥmad Muḥy al-Dīn, ‘al-Muḍārabah fī al-‘Umlah,’ vol. 1, 452-455.

⁶⁰ ‘Abd al-Bārī Misy‘āl, ‘Dawabiḍ Ṣarf al-‘Umulāt wa Badāil al-Taḥawwuṭ al-Masyrū‘ah fī al-Mu‘assasah al-Māliyyah al-Islāmiyyah,’ (Kertas kerja, Mulataqā al-Khurtūm li al-Muntajāt al-Māliyyah al-Islāmiyyah, Markāz Bayān li Ḥandasah al-Māliyyah al-Islāmiyyah, 6-5 April 2012), 5.

⁶¹ Yūsuf al-Syubaylī, ‘al-Khadamāt al-Maṣrafiyyah,’ vol. 3, 272.

⁶² Abū Sattār Abū Ghuddah, *Buhūth fī al-Mu‘āmalāt*, vol. 8, 111; ‘Abd al-Bārī Misy‘āl, ‘Dawabiḍ Ṣarf al-‘Umulāt,’ 5; Aḥmad Muḥy al-Dīn, ‘al-Muḍārabah fī al-‘Umlah,’ vol. 11, 452-455.

⁶³ Riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Buyū‘, Bāb Bay‘ al-Fiddah bi al-Fiddah, no. hadis 2177 dan Muslim, Kitāb al-Musāqah, Bāb al-Riba, no. hadis 1584. Lihat Muḥammad bin Ismā‘il al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, vol. 3, ed. Muḥammad Zāhir bin Nāṣir al-Nāṣir (Beirut: Dār al-Ṭūq al-Najāh, 2001), 74 dan Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, vol. 3, 1208.

mata wang secara bertangguh.⁶⁴ Rasulullah SAW juga melarang jual beli emas dengan perak secara berhutang sebagaimana hadis berikut:

نهی رسول الله صلی الله علیه وسلم عن بیع الذهب بالورق دینا.

“Rasulullah SAW melarang menukar emas dengan perak secara berhutang (bertangguh).”⁶⁵

Ulama kontemporari menerima tempoh *qabd* selama T+2 dalam urusan niaga FX Spot kerana ia adalah uruf pasaran pertukaran asing dan peraturan yang tidak dapat dielakkan oleh semua pihak. Namun penyerahan mata wang dalam urusan niaga FX Forward melibatkan tempoh yang melebihi T+2 iaitu sebulan, dua bulan, tiga bulan atau enam bulan ke hadapan. Dengan itu, tempoh kelewatan *qabd* dalam FX Forward tidak diterima sebagai *qabd* yang diakui oleh Syariah. Maka kelewatan penyerahan mata wang dalam FX Forward adalah menyalahi hadis-hadis Nabi SAW.

Selain itu, kelewatan penyerahan kedua mata wang dalam urusan niaga FX Forward menyebabkan timbul unsur *bay' al-kalī' bi al-kalī'* (jual beli hutang dengan hutang) yang diharamkan secara ijmak ulama.⁶⁶ Apabila kedua pihak melakukan kontrak FX Forward namun penyerahan mata wang dilakukan secara bertangguh, maka kedua pihak saling berhutang di antara satu sama lain. Senario ini dikategorikan dalam larangan jual beli hutang dengan hutang.

FX Forward bukan merupakan perjanjian (*muwā'adah*) untuk melakukan pertukaran asing pada masa hadapan kerana apabila kedua pihak bersetuju ke atas kadar pertukaran FX Forward, maka ia telah mengikat kedua pihak. Pihak yang terlibat dalam urusan niaga tidak boleh membatalkan urusan niaga itu walaupun terdapat pihak tertentu yang terpaksa menanggung kerugian.⁶⁷ Ini menunjukkan kedua pihak melakukan kontrak jual beli mata wang untuk penyerahan mata wang secara bertangguh dan bukan perjanjian untuk melakukan urusan niaga pada masa hadapan. Syarak tidak membenarkan jual beli mata wang yang melibatkan serahan secara bertangguh. Larangan urusan niaga FX Forward adalah berdasarkan dalil *qaṭ'ī al-thubūt wa al-dilālah* (jelas ketetapan dan petunjuk) dan hujah yang mengharuskan FX Forward tidak dapat menangkis hujah pengharamannya.⁶⁸

⁶⁴ Ahmad Muḥy al-Dīn, 'al-Muḍārabah fī al-'Umlah,' vol. 11, 452-455.

⁶⁵ Hadis riwayat al-Bukhārī, Kitab al-Buyū', Bab Bay' al-Wariq bi al-Dhahab Nasī'ah, no. hadis 2180. Lihat al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, vol. 3, 75.

⁶⁶ al-Shubaylī, 'al-Khadamāt al-Maṣrafiyyah,' vol. 3, 272.

⁶⁷ Majma' al-Fiqh al-Islāmī, 'al-Muḍārabah fī al-'Umlah,' vol. 1, 556.

⁶⁸ Majma' al-Fiqh al-Islāmī, 'al-Muḍārabah fī al-'Umlah,' vol. 1, 556.

Islam mengharuskan lindung nilai dan FX Forward digunakan untuk tujuan tersebut. Namun tujuan ini tidak menyebabkan urus niaga FX Forward diharuskan pada pandangan syarak kerana urus niaga yang dilakukan itu menyalahi hukum syarak. Oleh sebab itu, Sheikh ‘Alī al-Salūs mencadangkan agar difikirkan struktur alternatif bagi FX Forward. Sesetengah institusi perbankan Islam sudah menawarkan urus niaga yang memberikan kesan yang dengan FX Forward melalui jual beli komoditi.⁶⁹

Institusi perbankan Islam juga menawarkan FX Forward patuh Syariah dengan menggunakan konsep *wa‘d*. Ini menunjukkan terdapat alternatif lain bagi pihak yang ingin melakukan urus niaga FX Forward. Ia berbeza dengan FX Spot yang hanya terdapat satu sahaja struktur dalam pasaran pertukaran asing.

Kajian mendapati Akademi Fiqh Islam di bawah naungan Liga Dunia Muslim dalam persidangannya kali ke-5 pada tahun 1982 melalui resolusi no. 6/1 tentang *al-‘Umlah al-Waraqiyah* (Wang Kertas) telah membincangkan tentang urus niaga pertukaran mata wang secara bertanggung. Resolusi ini menetapkan bahawa tidak boleh menjual wang kertas yang sama jenis atau berlainan jenis daripada emas dan perak, atau selain emas dan perak secara bertanggung sama sekali. Maka tidak boleh menukar mata wang seperti Riyal Saudi dengan mata wang lain secara *tafāḍul* dan bertanggung tanpa *qabd*.⁷⁰ Dengan kata lain, resolusi ini mengharamkan urus niaga FX Forward yang melakukan pertukaran asing secara bertanggung.

Akademi Fiqh Islam Liga Dunia Muslim semasa persidangan kali ke-13 di Makkah pada 8 Februari 1992 membincangkan tentang perjanjian menjual mata wang dan mengeluarkan resolusi no. 1 tentang *Bi Sya’n Mawdū‘ al-Muwā‘adah bi Bay‘ al-‘Umūlāt Ba‘duhā bi Ba‘d, Hal Yajūz An Yaqūm al-Maṣrifaw al-Syarikah bi Tartīb ‘Amaliyāt Syirā* (Janji Dua Belah Pihak dalam Jual Beli Mata wang, Adakah dibenarkan Bank atau Syarikat Melakukan Transaksi Pembelian). Resolusi ini menyatakan jika kontrak pertukaran mata wang mensyaratkan serahan lewat kedua mata wang atau salah satu mata wang untuk diserahkan pada masa hadapan, maka kontrak ini tidak dibenarkan kerana syarat *taqābuḍ* sebagai syarat sempurna kontrak *al-ṣarf* tidak berlaku.⁷¹

⁶⁹ Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī, ‘al-Muḍārabah fī al-‘Umlah,’ vol. 1, 592.

⁷⁰ Rābiṭah al-‘Alām al-Islāmī, ‘Bi Sya’n Mawdū‘ al-Muwā‘adah bi Bay‘ al-‘Umūlāt Ba‘duhā bi Ba‘d, Hal Yajūz An Yaqūm al-Maṣrif aw al-Syarikah bi Tartīb ‘Amaliyāt Syirā’ Mustaqbalī li Ṣāliḥ Aḥad al-‘Umalā’ bi Ṭalab Minh?,’ laman sesawang *Rābiṭah al-‘Alām al-Islāmī*, <http://www.themwl.org/Fatwa/default.aspx?d=1&cid=132&l=AR&cid=10>, dicapai 4 Februari 2016.

⁷¹ Rābiṭah al-‘Alām al-Islāmī, ‘Bi Sya’n Mawdū‘ al-Muwā‘adah.’

Akademi Fiqh Islam Antarabangsa OIC telah mengeluarkan resolusi bil. 102 (11/5) tentang *al-Itjār fī al-'Umulāt* (Perdagangan Mata Wang) dalam persidangan ke-11 di Manama, Bahrain pada 14-19 November 1998 juga mengharamkan pertukaran mata wang hadapan melalui FX Forward. Kedua pihak juga tidak dibenarkan melakukan pertukaran bertangguh di antara satu sama lain berdasarkan al-Quran, sunnah dan ijmak. Resolusi ini juga menyatakan transaksi riba dan perdagangan mata wang yang tidak mengikut hukum Syariah Islam adalah di antara sebab berlakunya krisis ekonomi yang menimpa sesetengah negara.⁷²

AAOFI melalui Paramater Syariah no. 1 tentang *al-Mutājarah al-'Umulāt* (Perdagangan Mata wang) mengharamkan urus niaga FX Forward kerana kedua pihak tidak melakukan *qabd* terhadap mata wang yang ditukarkan. Institusi kewangan Islam tidak dibenarkan melakukan urus niaga FX Forward walaupun untuk lindung nilai terhadap perubahan nilai mata wang pada masa hadapan.⁷³

Dewan Syariah Nasional di Majelis Ulama Indonesia pula melalui fatwa no. 28/DSN-MUI/111/2002 tentang Jual Beli Mata Uang (*al-Sharaf*) mengatakan hukum urus niaga FX Forward adalah haram kerana harga yang dikontrakkan dan serahan pada hari hadapan. Sedangkan pada hari penyerahan mata wang belum pasti sama dengan nilai mata wang yang disepakati.⁷⁴

Lembaga Syariah Al Rajhi Bank, Saudi Arabia melalui fatwa no. 195 dan Lembaga Syariah Bank Al Bilād, Saudi Arabia pula melalui Parameter no. 453 mengharamkan FX Forward kerana tidak mematuhi syarat *al-ṣarf* dan mengandungi unsur *bay' al-kalī' bi al-kalī'* (jual beli hutang dengan hutang) yang diharamkan oleh syarak. FX Forward ini juga tidak diharuskan walaupun digunakan untuk lindung nilai.⁷⁵

⁷² Majma' al-Fiqh al-Islamī al-Dawlī, 'al-Itjar fī al-'Umulāt,' laman sesawang *Majma' al-Fiqh al-Islamī al-Dawlī*, <http://www.iifa-aifi.org/2035.html> dicapai 3 Februari 2016.

⁷³ Hay'ah al-Muḥāsabah, *al-Ma'āyir al-Syar'iyyah*, 5-6.

⁷⁴ Dewan Syariah Nasional, 'Fatwa Dewan Syari'ah Nasional Nomor 28/DSN-MUI/III/2002 Jual Beli Mata Uang (*al-Sharf*).'

⁷⁵ Amānah al-Hay'ah al-Syar'iyyah, *al-Dawābiḍ al-Mustakhlashah*, 136. al-Majmū'ah al-Syar'iyyah bi Maṣrif al-Rājihī, *Qarārat al-Hay'ah al-Syar'iyyah bi Maṣraf al-Rājihī*, vol. 1 (Riyād:Dār Kanuz Isyibiliya li Nasyr wa Tawzi', 2010), 29.

Pandangan Terpilih

Berdasarkan hujah-hujah yang dikemukakan oleh oleh setiap golongan, penulis memilih pandangan majoriti ulama yang mengharamkan FX Forward kerana kelewatan penyerahan mata wang bagi kedua mata wang dalam urus niaga FX Forward menyalahi hadis-hadis Nabi SAW dan ijmak ulama yang menetapkan setiap pertukaran emas dan perak perlu *yadan bi yadin* atau bersegera. Selain itu, ulama kontemporari dan kebanyakan fatwa daripada majlis fatwa hanya mengharuskan kelewatan *taqābuḍ* berlaku dalam FX Spot sahaja. Manakala tempoh serahan mata wang dalam FX Forward telah melebihi tempoh yang dibenarkan dalam FX Spot. Selain itu, kelewatan serahan kedua mata wang dalam FX Forward juga menyebabkan wujud unsur *bay' al-kalī' bi al-kalī'* yang diharamkan oleh syarak.

ANALISA FX SWAP BERDASARKAN PERSPEKTIF SYARIAH

Kajian mendapati terdapat hanya satu pandangan dalam kalangan ulama kontemporari tentang FX Swap yang mengatakan urus niaga ini adalah haram kerana menyalahi Syariah. Pandangan ini dipegang oleh Sheikh 'Alī al-Salūs,⁷⁶ Sheikh 'Abd al-Sattār Abū Ghuddah,⁷⁷ Dr. Aḥmad Muḥy al-Dīn,⁷⁸ Dr. 'Abd al-Bārī Misy'al,⁷⁹ Dr. Mubārak bin Sulaymān,⁸⁰ Bisyr Muḥammad Mūfiq Luṭfi⁸¹ dan sebagainya.

FX Swap digunakan untuk mengurus keperluan mata wang asing di dalam sesebuah bank sama ada untuk memenuhi keperluan dana jangka pendek bagi pihak bank atau pihak pelanggan (bank yang lain). Contoh Bank A memerlukan mata wang Dolar Amerika dan dengan ingin menukarkannya dengan Ringgit Malaysia. Maka pihak bank akan membeli Ringgit Malaysia dan menjual Dolar Amerika pada kadar *spot* kepada Bank A. Kemudian pihak bank menjual kembali Dolar Amerika tersebut secara *forward* dengan kadar yang lebih tinggi kepada Bank A. Perbezaan di antara dua harga ini adalah kadar faedah.

⁷⁶ Majma' al-Fiqh al-Islāmī, 'al-Muḍārabah fī al-'Umlah,' vol. 1, 593.

⁷⁷ Abū Ghuddah, *Buhūth fī al-Mu'āmalāt*, vol. 8, 111.

⁷⁸ Aḥmad Muḥy al-Dīn, 'al-Muḍārabah fī al-'Umlah,' vol. 1, 458.

⁷⁹ 'Abd al-Bārī Misy'al, 'Dawabiḍ Ṣarf al-'Umulāt,' 5-6.

⁸⁰ Mubārak bin Sulaymān bin Muḥammad 'Alī Sulaymān, *Aḥkām al-Ta'āmul fī al-Aswāq al-Māliyyah al-Mu'āṣirah* (Riyād: Dār Kunūz Isybilīyā li Nasyr wa al-Tawzī', 2005), 1110.

⁸¹ Bisyr Muḥammad, *al-Tadāwul al-Iliktarūnī li al-'Umūlāt, Turuquh al-Dawlīyah wa Aḥkāmuh al-Syar'iyyah* ('Amman: Dār al-Nafā'is, 2009), 91.

Sebenarnya urus niaga yang dilakukan ini ialah bank meminjam sejumlah mata wang tertentu dan menjual membayarnya kembali mata wang tersebut pada tarikh hadapan dengan harga yang lebih tinggi. Kadar tambahan ini adalah faedah atau riba yang diharamkan syarak.⁸²

Jual beli yang dilakukan ini sebenarnya adalah berbentuk pinjaman. Bahkan dalam dunia FX Swap, mereka lebih menggunakan istilah pinjam berbanding jual beli kerana duit yang dipinjam akan dipulangkan kembali bersama nilai tambahan. Kontrak pinjaman yang disyaratkan jumlah bayaran tambahan melebihi jumlah pokok berdasarkan tempoh masa tertentu adalah jelas mengandungi elemen riba yang diharamkan syarak.

Walaupun pertukaran mata wang dalam FX Swap kelihatan terdiri daripada urus niaga pertukaran secara *spot* dan *forward* namun sebenarnya urus niaga ini dilakukan secara serentak melalui sistem urus niaga FX Swap. Dengan kata lain, bank meminjam (membeli) mata wang tertentu daripada pihak kedua dan pada masa yang sama memulangkan (menjual) kembali dengan tambahan nilai kepada pihak yang sama. Berdasarkan senario ini juga, wujud dua kontrak yang dilakukan dalam satu kontrak, iaitu kontrak pertukaran secara *spot* dan *forward*. Jual beli jenis ini tidak dibenarkan oleh Syariah kerana ia adalah *bay'atayn fī bay'ah* atau dua kontrak dalam satu kontrak yang diharamkan syarak.⁸³

Berdasarkan kenyataan di atas, FX Swap terdiri daripada kontrak *spot* dan *forward*. Tiada isu Syariah jika jika berlaku *taqābud* terhadap kedua mata wang dalam kontrak pertama. Namun *taqābud* tidak berlaku dalam kontrak yang kedua. Perkara ini menyebabkan kontrak yang kedua adalah haram kerana melakukan pertukaran wang secara bertanggung dan ia termasuk di dalam kategori *ribā al-nasī'ah* dan *bay' al-dayn bi al-dayn* yang diharamkan secara ijmak ulama.

Selain itu, pemateraan kontrak kedua telah disyaratkan dalam kontrak pertama iaitu kedua pihak akan membeli kembali mata wang yang dijual dalam kontrak pertama secara bertanggung. Syarat begini adalah haram mengikut pandangan syarak kerana menyalahi perintah Allah dan mengandungi unsur riba dan *bay' al-dayn bi al-dayn*. Syarat ini juga menyebabkan kontrak

⁸² Majma' al-Fiqh al-Islāmī, 'al-Muḍārabah fī al-'Umlah,' vol. 1, 593; 'Abd al-Bārī Misy'āl, 'Ḍawabiḍ Ṣarf al-'Umulāt,' 5-6; Abū Ghuddah, *Buhūth fī al-Mu'āmalāt*, vol. 8, 111.

⁸³ Aḥmad Muḥy al-Dīn, 'al-Muḍārabah fī al-'Umlah,' vol. 1, 458.

pertama adalah rosak atau *fasād*.⁸⁴ Nabi SAW melarang sebarang syarat yang *bāṭil* sebagaimana dalam hadis:⁸⁵

ما كان من شرط ليس في كتاب الله فهو باطل، وإن كان مائة شرط

“Syarat yang tidak didapati dalam al-Quran adalah batil, walaupun ia terdiri daripada seratus syarat.”

Semasa kontrak kedua, kedua pihak melakukan pertukaran mata wang pada kadar *forward* dengan dengan tidak memiliki mata wang tersebut. Ini disebabkan mata wang tersebut masih belum diterima oleh kedua pihak. Dengan itu, urusan niaga yang dilakukan adalah dilarang syarak kerana menjual mata wang tiada. Urusan niaga FX Swap menyerupai *bay‘ al-‘inah* yang diharamkan iaitu menjual mata wang secara *spot* dan kemudian membeli kembali secara bertanggung dengan tambahan nilai.⁸⁶

Pandangan golongan ini dipersetujui oleh AAOIFI melalui Paramater Syariah no. 1 tentang *al-Mutājarah al-‘Umulāt* (Perdagangan Mata Wang) bahawa tidak dibenarkan melakukan pembelian dan penjualan secara selari atau serentak. Ini adalah ciri urusan niaga FX Swap yang menghimpunkan jual beli mata wang pada kadar *spot* dan *forward* dalam satu masa. Parameter ini menyebut urusan niaga FX Swap tidak diharuskan kerana mengandungi tiga faktor yang dilarang syarak.

Pertama, ketiadaan penyerahan dan penerimaan kedua mata wang yang dibeli dan dijual serta jual beli mata wang secara bertanggung. Kedua, pertukaran mata wang yang dilakukan mensyaratkan melakukan pertukaran mata wang yang lain. Ketiga, wujud perjanjian pertukaran untuk penyerahan pada masa hadapan di antara dua pihak yang bersifat mengikat dan perkara ini dilarang oleh syarak.⁸⁷

FX Swap juga diputuskan haram oleh Dewan Syariah Nasional Majelis Ulama Indonesia (DSN-MUI) pada tahun 2002 melalui fatwa no. 28/DSN-MUI/III/2002 Jual Beli Mata Uang (*al-Sharf*) kerana urusan niaga ini

⁸⁴ Mubārak bin Sulaymān, *Aḥkām al-Ta‘āmul*, 1110.

⁸⁵ Riwayat al-Bukhārī, *Kitāb al-Buyū‘*, Bāb Izā Isyaraṭ Syurūṭ fī al-Bay‘ Lā Tahill, no. 2168 dan Muslim, *Kitāb al-‘Itq*, Bāb Innamā al-Walā’ liman A‘taq, hadis no. 1504. Lihat al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, vol. 3, 73 dan Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, vol. 2, 1141.

⁸⁶ ‘Abd al-Bārī Misy‘āl, ‘Dawabiḍ Ṣarf al-‘Umulāt, 5-6; Bisyr Muḥammad, al-Tadāwul al-Ilktarūnī li al-‘Umulāt, 91.

⁸⁷ Hay‘ah al-Muḥāsabah, al-Ma‘āyir al-Syar‘iyyah, 8.

mengandung unsur spekulasi.⁸⁸ Lembaga Syariah Al Rajhi Saudi Arabia dan Lembaga Syariah Bank Al Bilad Saudi Arabia turut mengharamkan FX Swap kerana mengandungi elemen yang diharamkan syarak.⁸⁹

Pendapat Terpilih

Berdasarkan hujah-hujah yang dikemukakan di atas jelas menunjukkan FX Swap adalah haram kerana mempunyai banyak elemen yang diharamkan syarak seperti tiada *taqābud* terhadap mata wang yang dijual beli, jual beli mata wang yang tiada dalam pegangan, syarat *bātil* untuk pemateraian kontrak kedua, *bay'atayn fī bay'ah*, pinjaman mata wang berasaskan riba dan sebagainya. Kesimpulannya, mekanisme urus niaga FX Swap ini adalah haram kerana menyalahi peraturan *al-ṣarf* dan peraturan syarak yang lain.

KESIMPULAN

Persoalan pertukaran asing tidak dibincangkan oleh ulama terdahulu kerana urus niaga ini baharu muncul pada zaman moden. Ulama kontemporari membincangkan persoalan urus niaga pertukaran asing dengan mendalam berpandukan perbincangan ulama terdahulu tentang konsep *al-ṣarf*. Ulama berbeza pandangan terhadap urus niaga FX Spot sehingga melahirkan perbezaan pandangan dalam kalangan ulama. Setelah mengkaji dan meneliti hujah-hujah setiap golongan, penulis mendapati pandangan majoriti ulama yang mengharuskan urus niaga FX Spot adalah lebih kuat, tepat dan sesuai untuk kemaslahatan manusia.

Isu Syariah utama dalam FX Spot ialah mekanisme *qabḍ* yang digunakan dalam urus niaga FX Spot. Hadis-hadis Nabi SAW dengan jelas menunjukkan *qabḍ* perlu dilakukan dengan segera sebelum kedua pihak berpisah daripada majlis akad. Majoriti ulama kontemporari berpandangan *qabḍ* di dalam hadis ini perlu ditentukan oleh penafsiran uruf perniagaan kerana syarak dan bahasa tidak memberikan penafsiran terhadap *qabḍ*. Mereka menganggap kelewatan *qabḍ* dalam FX Spot diterima sebagai penafsiran *qabḍ* dan ia tidak dapat dielakkan apabila memasuki pasaran pertukaran asing. Dengan itu, majoriti ulama berpandangan FX Spot adalah harus dan ia bersesuaian dengan syarak yang memudahkan urusan manusia.

⁸⁸ Dewan Syariah Nasional, 'Fatwa Dewan Syari'ah Nasional Nomor 28/DSN-MUI/III/2002 Jual Beli Mata Uang (*al-Sharf*).'

⁸⁹ Majmū'ah al-Syar'iyyah, *al-Dalīl al-Syar'ī*, 153; Amānah al-Hay'ah al-Syar'iyyah, *al-Ḍawābiḥ al-Mustakhlaṣah*, 138.

Manakala isu Syariah utama dalam FX Forward ialah kelewatan serahan kedua mata wang yang melebihi tarikh FX Spot seperti sebulan, 3 bulan, 6 bulan dan sebagainya. Majoriti ulama kontemporari menganggap tempoh kelewatan *qabḍ* dalam FX Forward tidak diterima sebagai *qabḍ* yang segera. Ia berbeza dengan *qabḍ* dalam FX Spot yang mendesak keperluannya. FX Forward juga digunakan untuk lindung nilai namun struktur FX Forward mempunyai elemen yang menyalahi peraturan Syariah. Justeru itu, majoriti ulama berpandangan bahawa FX Forward adalah haram kerana melanggar peraturan *al-ṣarf* yang ditetapkan oleh Syariah.

Ulama juga mengharamkan urus niaga FX Swap kerana mengandungi terlalu banyak isu yang menyalahi peraturan *al-ṣarf* seperti tiada *qabḍ* bagi mata wang yang ditukarkan, penjualan mata wang yang tiada dalam pegangan, pensyaratan kontrak kedua dalam kontrak pertama, dua kontrak dalam satu kontrak, jual beli hutang dengan hutang dan sebagai.

Islam telah meletakkan peraturan *al-ṣarf* sebagai garis panduan dalam pertukaran asing. Dengan itu, semua pihak perlu memastikan urus niaga pertukaran asing yang dilakukan tidak mengandungi unsur riba atau perkara yang menyalahi syarak. Struktur FX Forward dan FX Swap patuh Syariah boleh dibentuk dengan menggunakan konsep *wa'd*, transaksi *murābahah* atau konsep Syariah lain yang bersesuaian. Kini kewujudan banyak institusi perbankan Islam menawarkan urus niaga pertukaran asing yang berlandaskan Syariah. Setiap urus niaga pertukaran asing patuh Syariah ini memberikan kesan ekonomi yang sama sebagaimana urus niaga pertukaran asing konvensional, namun bebas daripada riba dan larangan syarak.

RUJUKAN

- ‘Abd al-Sattār Abū Ghuddah, *Buhūth fī al-Mu‘āmalāt wa al-Asālīb al-Masrafiyah al-Islāmīyah*, vol. 8 (Jeddah: Majmū‘ah Dallah al-Barakah, 2007).
- Aḥmad Muḥy al-Dīn Aḥmad, ‘al-Muḍārabah fī al-‘Umlah wa al-Wasā’il al-Masyrū‘ah li-Tajtanib Aḍrārahā al-Iqtisādīyah,’ *Majallah Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī*, vol. 1/11 (1998).
- al-‘Azīm Ābādi, Muḥammad Asyraf bin Amīr, ‘*Awn al-Ma‘būd Syarḥ Sunan Abī Dāwud* (Beirūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1995).
- al-Asy‘ath, Abū Dāwud Sulaymān, *Sunan Abī Dāwud* (Beirūt: al-Maktabah al-‘Asriyah, t.t.).
- al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā‘īl, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, ed. Muḥammad Zāhir bin Nāṣir al-Nāṣir (Beirūt: Dār al-Ṭūq al-Najāh, 2001).

- Amānah al-Hay'ah al-Syar'iyah, *al-Dawābiḍ al-Mustakhlaṣah min Qarārāt al-Hay'ah al-Syar'iyah li Bank al-Bilād* (Riyāḍ: Dār al-Mayman, 2013).
- Badwī, Āṣim Aḥmad 'Āṭīyah, 'Aḥkam al-Ṣarf al-Ilīkturūnī fī al-Fiqh al-Islāmī,' (Tesis sarjana, Kuliah Syariah dan Undang-Undang, Universiti Islam Gaza, Palestin, 2010).
- Bank for International Settlements, *Trennial Central Bank of Foreign Exchange and Derivatives Market Activity in 2001* (Basel: Bank for International Settlements, 2002).
- Bank for International Settlements, *Triennial Central Bank Survey Foreign Exchange Turnover in April 2013: Preliminary Global Results* (Switzerland: Bank for International Settlements, 2013).
- Bank Negara Malaysia Berhad, *Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam Edisi Kedua* (Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, 2010).
- Bank Negara Malaysia Berhad, *Bank Negara Malaysia dan Sistem Kewangan di Malaysia: Perubahan Sedekad* (Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, 1999).
- al-Buhūtī, Maṣṣūr Ibn Yunūs Ibn Idrīs, *Kasyf al-Qinā' 'an Matn al-Iqnā'* (Beirūt: Dār al-Fikr, 1982).
- Bisyr, Muḥammad, *al-Tadāwul al-Ilīktarūnī li al-'Umūlāt, Turuquh al-Dawliyah wa Aḥkāmuh al-Syar'iyah* ('Amman: Dār al-Nafā'is, 2009).
- Cornelius Luca, *Trading in the Global Currency Markets* (New York: Prentice Hall, 2000).
- Dewan Syariah Nasional, 'Fatwa Dewan Syari'ah Nasional Nomor 28/DSN-MUI/III/2002 Jual Beli Mata Uang (*al-Sharf*),' laman sesawang Dewan Syariah Nasional-Majelis Ulama Indonesia, <http://www.dsnmui.or.id/index.php?mact=News,cntnt01,detail,0&cntnt01articleid=29&cntnt01origid=59&cntnt01detailtemplate=Fatwa&cntnt01returnid=15&cntnt01returnid=15>, dicapai 1 Oktober 2016.
- Fathī Salīm Ziyād Ghazāl, *Ḥukm al-Syar' fī al-Burṣah* ('Amman: Dār al-Waddāh, 2008).
- Grabbe, J. Orlin, *International Financial Markets*, ed. ke-3 (New Jersey: Prentice-Hall. Inc., 1996).
- Ḥamad, Nazīh Kamal, 'al-Qabḍ al-Ḥaqīqī wa al-Ḥukmī: Qawā'id wa Taṭbīqātuh min al-Fiqh al-Islāmī,' *Majallah Majma' al-Fiqh al-Islāmī*, vol. 1/6 (1990).
- Hay'ah al-Muḥāsabah wa al-Murāja'ah li al-Mu'assah al-Māliyah al-Islāmiyyah, *al-Ma'āyir al-Syar'iyah* (Manama: Hay'ah al-Muḥāsabah wa al-Murāja'ah li al-Mu'assah al-Māliyah al-Islāmiyyah, 2010).

- Ibn Qudāmah ‘Abd Allāh bin Ahmad al-Muqaddasī, *al-Mughnī li Ibn Qudāmah*, vol. 4 (Qāhirah: Maktabah al-Qāhirah, 1968).
- Ibn Taymīyah, Ahmad bin ‘Abd al-Halīm, *Majmū‘ah al-Fatāwā*, vol. 20 (Madinah: Majma‘ al-Malik Fahd li Ṭibā‘ah al-Muṣhaf al-Syarīf, 1995).
- M. Levich, Richard, *International Financial Markets, Price and Policies* (Amerika Syarikat: McGraw-Hill, 1998).
- Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī al-Dawlī, ‘al-Itjar fī al-‘Umulāt,’ laman sesawang *Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī al-Dawlī*, <http://www.iifa-aifi.org/2035>, html dicapai 3 Februari 2016.
- Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī, ‘al-Muḍārabah fī al-‘Umlah, al-‘Arḍ-al-Ta‘qīb wa al-Munāqasyah,’ dalam ‘al-Muḍārabah fī al-‘Umlat wa al-Wasā’il al-Masyrū‘ah li Tajtnanib Aḍrāhā al-Iqtisādīyah,’ *Majallah Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī*, vol. 1/11 (1998).
- Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī, ‘al-Qabd: Šūrah wa bi Khāṣah al-Mustajiddah minhā wa Aḥkāmuhā,’ laman sesawang *Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī*, <http://www.iifa-aifi.org/2035.html>, dicapai 16 September 2016.
- al-Majmū‘ah al-Syar‘iyyah bi Maṣrif al-Rājihī, *Qarārāt al-Hay‘ah al-Syar‘iyyah bi Maṣraf al-Rājihī* (Riyāḍ: Dār Kanuz Isybiliya li Nasyr wa Tawzi‘, 2010).
- al-Majmū‘ah al-Syar‘iyyah bi Maṣrif al-Rājihī, *Qarārāt al-Hay‘ah al-Syar‘iyyah bi Maṣraf al-Rājihī* (Riyāḍ: Dār Kunūz Isybīliyā li Nasyr wa al-Tawzi‘, 2010).
- al-Majmū‘ah al-Syar‘iyyah bi Maṣrif al-Rājihī, *al-Dalīl al-Syar‘ī li al-Muntajāt fī Ḍū‘i Qarārāt al-Hay‘ah al-Syar‘iyyah li Maṣrif al-Rājihī* (Riyāḍ: Dār al-Kunūz Isybīliyā li al-Nasyr wa al-Tawzi‘, 2010).
- Misy‘āl, ‘Abd al-Bārī, ‘Dawabiḍ Šarf al-‘Umulāt wa Badāil al-Taḥawwuṭ al-Masyrū‘ah fī al-Mu‘assasah al-Māliyah al-Islāmiyyah,’ (Kertas kerja, Mulataqā al-Khurtūm li al-Muntajāt al-Māliyyah al-Islāmiyyah, Markāz Bayān li Ḥandasah al-Māliyyah al-Islāmiyyah, 6-5 April 2012).
- Mohidin Yahya, *Tukaran Asing dan Pasaran Wang, Teori dan Amalan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994).
- Muhammad Akram Khan, ‘Commodity Exchange and Stock Exchange in An Islamic Economy,’ *The American Journal of Islamic Social Science*, vol.5/1 (1998): 101-102.
- Muhammad Obaidullah, ‘Financial Contracting in Currency Markets: An Islamic Evaluation,’ *International Journal of Islamic Financial Services*, vol. 3/3 (Oktober-Disember 2001).

- al-Nawāwī, Muḥy al-Dīn Yaḥyā bin Syarf, *al-Majmū‘ Syarḥ al-Muḥadhdhab* (Damsyik: Dār al-Fikr, t.t.).
- al-Nisābūrī, Muslim bin al-Hajjāj, *Ṣaḥīḥ Muslim* (Beirūt: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, t.t.).
- Othman Yong, *Pasaran dan Institusi Kewangan di Malaysia Teori dan Amalan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993).
- al-Qaradāwī, Yūsuf, ‘Hawl (Fawriyah al-Qabdd) fi al-Bay‘ al-‘Umūlāt,’ laman sesawang *al-‘Allāmah al-Qaradāwī*, <http://www.qaradawi.net/new/all-fatawa/6655-q-q>, dicapai 12 Januari 2016.
- al-Qurṭūbī, Muḥammad bin Aḥmad bin Muḥammad, *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtaṣid* (Beirūt: Dār Ibn Ḥazm, 1999).
- Rābiṭah al-‘Alām al-Islāmī, ‘Bi Sya’n Mawdū‘ al-Muwā‘adah bi Bay‘ al-‘Umūlāt Ba‘duhā bi Ba‘d, Hal Yajūz An Yaqūm al-Maṣrif aw al-Syarikah bi Tartīb ‘Amaliyāt Syirā’ Mustaqbalī li Šāliḥ Aḥad al-‘Umalā’ bi Ṭalab Minh?,’ laman sesawang *Rābiṭah al-‘Alām al-Islāmī*, <http://www.themwl.org/Fatwa/default.aspx?d=1&cidi=132&l=AR&cid=10>, dicapai 4 Februari 2016.
- Sulaymān, Mubārak bin Sulaymān bin Muḥammad ‘Alī, *Aḥkām al-Ta‘āmul fī al-Aswāq al-Māliyyah al-Mu‘āṣirah* (Riyāḍ: Dār Kunūz Isybīlīyā li Nasyr wa al-Tawzī‘, 2005).
- al-Syarbīnī, Muḥammad Ibn al-Khātīb, *Mughnī al-Muḥtāj ilā Ma‘rifah Ma‘ānī Alfāz al-Minhāj* (Beirūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1994).
- al-Syubaylī, Yūsuf bin ‘Abd Allāh, ‘al-Khadamāt al-Maṣrafiyyah li-Istithmār Amwāl al-‘Umalā’ wa Aḥkāmuhā fī al-Fiqh al-Islāmī,’ (Tesis kedoktoran, Jabatan Fiqh Perbandingan, al-Ma‘had al-‘Ālī li al-Qaḍā’, Riyāḍ, 2002).
- Walsmsley, Julian, *The Foreign Exchange and Money Markets Guide*, ed. ke-2 (Kanada: John Wiley & Sons, Inc., 2000).